

NOBAT DIRAJA PERAK

“Hanya keturunan Kalur yang boleh memainkan alat nobat diraja Perak,” tegas Ketua Nobat Diraja Perak, Toh Setia Guna Abdul Aziz Yahya, memulakan perbualan. Mengikut adat istiadat Perak, sultan tidak dianggap berdaulat sehingga ditabalkan dengan bunyi-bunyian nobat.

Nobat merupakan satu daripada 19 alat kebesaran diraja Perak. Mengikut sejarah, perkataan nobat berasal daripada bahasa Parsi, *naubat*, yang bermaksud sembilan jenis. Menurut Aziz, yang dimaksudkan dengan sembilan jenis itu ialah alatannya, iaitu nafiri, serunai, gendang nenkara, gendang nobat (gendang nyenyalu), gendang penengah, dua pemukul gendang, lakip nenkara dan pemukul nenkara. Namun begitu, di Perak, bilangannya hanya lima. Antara alatan nobat tersebut, gendang nobat yang paling dihormati.

Mengikut sejarah, nobat mula dimainkan sejak zaman

kesultanan Sultan Muzaffar Shah. Nobat merupakan kumpulan “pancaragam” diraja yang digunakan sejak zaman-berzaman untuk istiadat pertabalan raja. Negeri lain yang mempunyai kumpulan nobat diraja ialah Kedah, Terengganu dan Selangor.

Yang menariknya, ahli nobat diraja Selangor pun berasal daripada keturunan Kalur dari Perak. Hal ini bermula apabila Raja Lumu, anak Daeng Chelak dari Bugis yang dikatakan akan bergelar Yang di-Pertuan Selangor, telah diundang oleh Sultan Muzaffar Shah III ke Kuala Bernam. Kehadiran rombongan Raja Lumu disambut dengan

penuh adat istiadat diraja secara besar-besaran, termasuklah pukulan nobat dan tiupan nafiri.

Undangan tersebut bertujuan untuk menguji sama ada Raja Lumu benar-benar berketurunan raja yang berdaulat ataupun sebaliknya. Setelah melalui pelbagai ujian, akhirnya Sultan Muzaffar Shah III mengesahkan pelantikan Raja Lumu sebagai Sultan Salehuddin Shah sementara Daeng Loklok bergelar Datuk Maharaja Lela Husin. Rentetan daripada peristiwa itu, nobat dijadikan sebagai alat diraja Selangor dan disimpan di Balai Nobat Diraja, Istana Alam Shah.



Ahli nobat diraja Perak dan Selangor mestilah dalam kalangan keturunan Kalur.

Sejak itu, keturunan Kalur yang menetap di Kampung Pulau Tiga, mukim Kampung Gajah, Perak, dilantik secara turun-temurun sebagai pemain nobat diraja Selangor. “Datuk dan bapa saya merupakan pemain nobat diraja Selangor, manakala saya berkhidmat di Perak,” jelas Aziz yang ditemui di rumahnya di Kampung Gajah.

Ujar Aziz, sejak dahulu lagi, memang keturunan Kalur diberi tanggungjawab untuk memainkan nobat diraja. Aziz, yang mula berkhidmat di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, sejak tahun 1966, turut menyatakan bahawa belum ada keturunan lain, selain Kalur, yang memohon

jawatan sebagai pemain nobat diraja.

“Sejak berkhidmat hampir 49 tahun, belum pernah pula saya dengar dan lihat orang mengatakan bahawa mereka yang bukan daripada darah keturunan Kalur yang memegang atau memainkan nobat akan menerima musibah,” terang Aziz yang kini mengetuai 13 orang ahli kumpulan nobat diraja Perak.

Hal ini berlaku kerana semua alatan nobat sejak dahulu diurus secara keseluruhan oleh ahli pasukan nobat diraja dan disimpan di istana kerana keistimewanya sebagai alat kebesaran diraja. Pada zaman dahulu, nobat disimpan di

kawasan khusus yang dipagari bulu ayam dan mereka yang cuba menceroob kawasan tersebut akan dihukum dan didenda. Yang unik tentang nobat ialah alunan muziknya tidak mempunyai not lagu yang khusus, seperti kumpulan pancaragam moden. Alunan iramanya hanya diingati dalam minda.

“Terdapat 16 rentak dalam alunan muzik nobat. Untuk mempelajarinya bukan boleh dipaksa atau menghadiri kelas khusus, tetapi minat ini datang dengan sendirinya tanpa diduga,” kata Aziz yang menyertai kumpulan nobat diraja seawal usia 15 tahun.



Antara 16 rentak tersebut, yang biasa dimainkan hanya beberapa rentak, seperti *Gendang Berangkat*, khusus ketika sultan berangkat keluar masuk majlis istiadat, *Nobat Tabal* semasa majlis pertabalan sultan, *Puteri Mandi Mayang* ketika sultan bersiram tabal di Panca Persada dan *Lenggang Che Kobat*.

Selain digunakan untuk istiadat pertabalan, nobat turut dialunkan rentaknya semasa sultan mencemar duli dalam majlis tertentu. Sebagai contoh, ketika majlis Menjunjung Duli, nobat akan dimainkan sepanjang acara berlangsung. "Di Perak, nobat akan dibunyikan pada hari tertentu, seperti tiga hari sebelum umat Islam berpuasa, enam hari sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri, dan tiga hari sebelum Hari Raya Aidiladha," cerita Aziz.

Hal ini sebenarnya dilaksanakan sejak dahulu lagi. Oleh sebab itu, sebagai tradisi yang unik di Perak, alunan muzik nobat masih terus dimainkan pada tarikh-tarikh tersebut. Tidak ketinggalan, pada pagi hari pertama Aidilfitri, nobat akan dimainkan bagi mengiringi sultan yang akan bersembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar.

Mengikut adat, nobat mula dimainkan dengan tiupan nafiri yang disusuli tiupan serunai, pukulan gendangengkara, gendang nobat dan gendang penengkah. Ketua kumpulan pula

dikenali sebagai Toh Setia Guna, manakala pembantunya Toh Setia Indera.

"Syarat wajib untuk menjadi ketua ialah orang itu mestilah berpengalaman dan paling kanan dalam kalangan ahli. Yang paling utama ialah dia boleh memainkan semua alatan nobat," jelas Aziz. Hal ini dikatakan demikian kerana ketua akan mengepalati sesuatu acara dan melalui arahan ketua sahaja, jenis rentak lagu dialunkan oleh ahli kumpulan.

Tegas Aziz, tiada upacara jampi serapah dilakukan sebelum muzik nobat dialunkan. Hanya doa selamat memohon kelancaran majlis dilakukan dalam kalangan ahli nobat. "Kami tidak menjalankan upacara bakar kemenyan atau perasap barang nobat; semua itu tahyul dan kami tidak memercayainya," ujar Aziz.

Mengikut adat Lembaga Negeri Perak, rangka yang digunakan untuk membuat gendang berasal daripada teras kayu jerun dan kulitnya diperbuat daripada kulit tumur. Walau bagaimanapun, hal ini telah bertukar dan rangka untuk alatan sekarang diperbuat daripada kayu keras dan kulitnya daripada kulit kambing atau lembu. Serunai pula diperbuat daripada kayu cengal dan nafiri daripada kepingan perak.

"Percaya atau tidak, alatan nobat yang digunakan semasa majlis istiadat pertabalan Sultan Perak ke-35 tempoh hari tidak

pernah ditukar sejak tahun 1966, malah arwah bapa juga pernah menyatakan bahawa sejak zaman moyang saya lagi, alatan yang sama digunakan," cerita Aziz lagi.

Menurut Aziz, majlis pertabalan pada bulan Mei yang lalu merupakan yang kedua disertainya kerana semasa Sultan Idris Iskandar Shah ditabalkan sebagai Sultan Perak ke-33, dirinya belum lagi menyertai kumpulan nobat diraja. Apabila ditanya tentang lagu yang dimainkan sepanjang pertabalan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Aziz tidak lokek untuk berkongsi pengalaman tersebut.

Jelasnya, seperti adat terdahulu, selagi sultan belum ditabalkan, nobat diraja tidak akan dimainkan. Lagu *Nobat Tabal* dimainkan sebagai tanda sultan telah ditabalkan. Setelah itu, ketika sultan berangkat meninggalkan majlis, lagu *Raja Berangkat* dimainkan.

Ketika majlis Tabal Adat, iaitu proses mengambil air di tujuh kuala, nobat dimainkan bermula di anjung istana sehingga rombongan tiba di jeti. Lagu *Nobat Khamis* dialunkan kerana proses tersebut berlaku pada hari Khamis. Semasa Toh Seri Nara Diraja (Pawang Diraja) mengambil air di kuala Sungai Kangsar, lagu *Anak Raja* dimainkan.

"Lagu *Anak Raja* hanya dimainkan semasa Pawang Diraja memulakan upacara mengambil air di kuala Sungai Kangsar. Selepas

Lagu Nobat

- *Raja Berangkat (Gendang Berangkat)*
- *Puteri Mandi Mayang*
- *Rama-rama Terbang Tinggi*
- *Kumbang Si Kumali (Kumbang Kembali)*
- *Arak-arak Ataudis (Enteals) (Arak-arak Ulandai)*
- *Aleh-aleh Panjang*
- *Alek-alek Pandak*
- *Dang Gendang*
- *Lenggang Che Kobat*
- *Jong Ber-aleh*
- *Anak Raja Memasuki Kaki*
- *Gendang Perang*
- *Nobat Tabal*
- *Nobat Raja*
- *Nobat Khamis*
- *Nobat Subuh*

Lagu *Nobat Subuh*, *Nobat Khamis*, dan *Nobat Raja* hanya boleh dimainkan pada sebelah pagi dan petang. Lagu *Puteri Mandi Mayang* pula hanya dimainkan ketika menyambut ketibaan bulan Ramadan (tiga hari berturut-turut), iaitu pada petang 28, 29 dan 30 Syaaban setiap tahun.

Raja Berangkat (Gendang Berangkat) ialah lagu yang dimainkan ketika sultan berangkat mencemar duli dalam majlis upacara rasmi.

Nobat diraja Perak hanya dimainkan untuk upacara atau istiadat yang berikut:

- Sesuatu yang berkaitan dengan peribadi Sultan Perak.
- Ketika pertabalan Sultan Perak dan Raja Permaisuri Perak.
- Tabal Pusaka
- Bersiram Tabal
- Hari Meletak Keraja (menyambut perayaan ulang tahun keputeraan Sultan Perak).

Cerita tradisi

Pada zaman purbakala, nobat dijaga oleh jin. "Jin Kerajaan" namanya. Oleh itu, nobat tersebut tidak boleh dimainkan begitu sahaja, tidak boleh mengata sesuatu yang kurang baik mengenainya, dan tidak juga boleh memukulnya kalau tidak dengan sebarang maksud tertentu. Untuk

itu, nobat tidak dibunyikan," terang Aziz. Setelah proses mengambil air di tujuh kuala selesai, rombongan yang pulang ke istana untuk meletakkan air tersebut di Panca Persada diiringi alunan muzik nobat dengan lagu *Lenggang Che Kobat*.

Ketika istiadat Tabal Pusaka, lagu *Gendang Berangkat* dimainkan sewaktu sultan berangkat ke balairung seri dan semasa meninggalkan balairung seri. Istiadat Bersiram Tabal yang berlangsung di perkarangan istana turut memerlukan pasukan nobat.

"Lagu *Gendang Berangkat* dimainkan sehingga Tuanku Sultan tiba di Panca Persada sebelum lagu *Puteri Mandi Mayang* berkumandang sepanjang istiadat Bersiram Tabal," kata Aziz. Semasa istiadat Santapan Nasi Berastakona, nobat tidak dimainkan kerana inilah amalan turun-temurun. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga proses itu mengambil masa yang cukup lama, hingga lewat pagi.

Pada hari seterusnya, iaitu istiadat menziarahi makam di sekitar Perak, hanya nafiri yang akan bersama-sama sultan berada di atas Balai Gambang. "Nafiri akan ditiup sekali-sekala sepanjang berada di atas Balai Gambang sebagai pemberitahuan kepada rakyat tentang

mendekatinya atau menyentuhnya sahaja dengan tiada sesuatu maksud pun tidak dibenarkan. Harus diingat bahawa alatan itu mempunyai daulat kebesaran dan kepercayaan negara. Jika sesuatu yang tidak baik dilakukan terhadapnya, nescaya orang yang melakukannya akan menerima balasan. Oleh hal yang demikian, alatan nobat itu masih dipuja dan dimulihkan, malah masih dianggap sebagai keramat.

keberangkatan Tuanku Sultan," ujar Aziz.

Namun begitu, untuk istiadat di Beting Beras Basah, semua alat nobat tidak mengiringi sultan. Hal ini dikatakan demikian kerana mengikut adat terdahulu, alatan nobat tidak dibenarkan melepasi sempadan Perak. Menurut Aziz, hal ini menjadi pantang larang yang dilaksanakan sejak dahulu lagi.

Apabila ditanya tentang pengalaman manis semasa menganggotai kumpulan nobat diraja Perak, Aziz menyatakan kekagumannya terhadap ahlinya yang cukup berdisiplin semasa bertugas sehingga mendapat pujian daripada sultan. "Nobat sudah sehati sama hati saya, sehingga apabila sudah bersara, saya pun masih memainkan alat tersebut," cerita Aziz.

Kini tradisi pewarisan nobat keturunan Kalur sudah mengalir kepada dua orang anak lelakinya, iaitu Nurul Nizam, 33 tahun, dan Norazni, 27 tahun. Yang menariknya, semasa pertabalan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, mereka telah pun memulakan tugas sebagai ahli nobat diraja Perak.

"Nobat tidak boleh dimainkan oleh orang perempuan dan mesti dimainkan oleh lelaki sahaja," tegas Aziz kepada penulis dan tanda berakhirnya pertemuan kami berdua. ☐